

KAJIAN KELIMPAHAN IKAN SELAR KUNING  
(*Selaroides leptolepis*) DI PERAIRAN PANTAI TIMUR  
SENEGALUNG MALAYSIA

ZUHAIRIZAH BINTI ABU HAFSYAH

FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
TERENGGANU  
2002

1100024407

LP 44 FST 1 2002



1100024407

Kajian kelimpahan ikan selar kuning (Selaroides leptolepis) di perairan pantai timur Semenanjung Malaysia / Zuharizam Ab. Halim.



LP  
44  
FST  
2002

## PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU

1100024407

| 1100024407  |                                     |               |              |
|---|-------------------------------------|---------------|--------------|
| PERPUSTAKAAN  |                                     |               |              |
| KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA<br>(KUSTEM) |                                     |               |              |
| Pengarang   | ZUHARIZAM                           | No. Panggilan | LP 4407      |
| Judul   | Kajian kelimpahan ikan selar kuning |               | FST          |
| Tarikh  | Waktu Pemulangan                    | Nombor Ahli   | Tanda tangan |
| 14/11/04  | 6.00 pm                             | UK5731        | ZAH          |
| 24/12/04  | 1.30 pm                             | UK9887        | ZAH          |
| 21/8/06   | 2.30 pm                             | UK11636       | SMA          |
| 21/8/07   | 10.30 mln                           | UK11635       | ZAH          |

16/2/10

**KAJIAN KELIMPAHAN IKAN SELAR KUNING (*Selaroides leptolepis*)**

**DI PERAIRAN PANTAI TIMUR SEMENANJUNG MALAYSIA**

Oleh

**ZUHARIZAM BIN AB. HALIM**

**Laporan projek ini merupakan sebahagian daripada keperluan untuk  
mendapatkan Ijazah Bacelor Sains Perikanan**

**Fakulti Sains Dan Teknologi**

**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA TERENGGANU**

**Terengganu**

**2002**

**1100024407**

Laporan projek ini dirujuk sebagai:

Zuharizam, A.H.2002. Kelimpahan Ikan Selar Kuning (*Selaroides leptolepis*) di Perairan Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Laporan Projek, Bacelor Sains Perikanan, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Putra Malaysia Terengganu. 89 p.

## **PENGHARGAAN**



Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. serta keluarga dan sahabat-sahabat Baginda. Al-hamdulillah bersyukur ke hadrat Ilahi di atas keizinan dan hidayah-Nya, maka dapatlah saya menyiapkan kajian tahun akhir saya dengan jayanya.

Di ruangan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terutamanya buat Prof. Madya Dr. Sakri bin Ibrahim dan Dr. Khalid bin Samo selaku penyelia projek ini di atas segala galakkan, tunjuk ajar dan semangat yang diberikan dalam memastikan usaha menyiapkan projek ini berjalan dengan lancar.

Jutaan terima kasih juga buat pensyarah-pensyarah, kakitangan-kakitangan universiti terutamanya En. Mohammad Muda dan En Razaruddin Ibrahim, pengurus dan kakitangan LKIM, SEAFDEC, Jabatan Perikanan Negeri, teman-teman seperjuangan serta rakan-rakan serumah yang banyak membantu dan memberi pandangan dalam usaha menyiapkan projek ini. Semoga segala bantuan dan sumbangan yang diberikan diberkati dan dirahmati oleh Allah s.w.t. Diharapkan juga agar laporan yang dihasilkan ini akan menjadi rujukan kepada para pelajar generasi lain.

Kepada Kartini Abdol Rahim, terima kasih atas pengorbananmu selama ini. Akhir sekali, istimewa untuk ayahanda dan bonda sekeluarga yang tersayang, tiada apa yang mampu anakanda berikan melainkan kejayaan dalam menimba ilmu dunia dan akhirat.

**Zuharizam bin Hj. Ab. Halim  
Bacelor Sains Perikanan (1999–2002)**

## **ABSTRAK**

Kajian kelimpahan *Selaroides leptolepis* di perairan Pantai Timur Semenanjung Malaysia telah dijalankan selama 6 bulan antara Mei 2001 hingga Oktober 2001. Empat stesen penyampelan telah dipilih iaitu Pusat Pendaratan Ikan Tok Bali, Jeti Pendaratan Ikan Pelabuhan Perikanan Chendering, Jeti Pendaratan Ikan LKIM Kuantan dan Jeti Pendaratan Ikan LKIM Endau untuk pengambilan data.

Hasil daripada kajian kelimpahan, didapati kelimpahan tertinggi berlaku pada bulan Oktober iaitu 16,374 kg/hari. Manakala nilai kelimpahan terendah dicatatkan pada bulan Jun iaitu 8,038 kg/hari. Melalui analisis statistik ANOVA 2 hala tanpa replikasi, diketahui bahawa terdapat perbezaan nilai CPUE di antara keempat-empat stesen dan tiada perbezaan kelimpahan di antara bulan. Kajian kuantiti pendaratan adalah merujuk kepada hasil ikan yang berjaya ditangkap. Bulan Oktober adalah memberikan hasil tangkapan tertinggi iaitu 190,475 kg. Sementara hasil tangkapan terendah adalah dalam bulan Jun sebanyak 119,253 kg. Kajian juga menunjukkan para nelayan kebanyakan memukat di 25 grid kawasan sahaja. Ini berkemungkinan kawasan berkenaan mempunyai kepadatan ikan yang lebih tinggi berbanding dengan kawasan lain.

Keputusan kajian Indeks Gonadosomatik (GSI) pula mendapati bulan September mencatatkan nilai tertinggi bagi keempat-empat stesen berkenaan. Ini menunjukkan bulan September adalah puncak musim pembiakan bagi *Selaroides leptolepis* dalam kajian ini.

## **ABSTRACT**

A research on abundance of *Selaroides leptolepis* in the East Cost of Peninsular Malaysia was conducted for six month between May 2001 to October 2001. Four sampling stations were selected: Tok Bali Fish Centre, Chendering Jetty, LKIM Kuantan Jetty and Endau Jetty for data collection.

The result showed the highest abundance was in October which was 16,374 kg/day, while the lowest value was in June, 8,038 kg/day. Based on ANOVA statistical analysis two ways without replication, there were differences in CPUE value between stations and no difference between months. Research on the quantity of fish landing refers to the yield of fish caught. October was the month with the highest yield, which was about 190,475 kg, while the lowest yield was in June (119,253 kg). The landing also showed that most fishing was conducted in grid 25 fishing area. This is probably because of the density of the fish was higher than the other areas.

Result on Gonadosomatic Index (GSI) showed September with the highest value of all the four stations. This indicates September in the peak breeding time for *Selaroides leptolepis*.